

DOMAIN PEMIKIRAN GURU TINGKATAN ENAM DALAM PENGAJARAN

MOKHTAR BIN PET

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

DOMAIN PEMIKIRAN GURU TINGKATAN ENAM DALAM PENGAJARAN

MOKHTAR BIN PET

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

## **DEDIKASI**

### **Sentiasa diingati**

Ayahanda Pet Bin Said

Ibunda Wah Bte Samat

### **Sentiasa dikasihi**

Isteri tercinta Haleeda binti Ismail@Md.On

### **Sentiasa disayangi**

Muhamad Naqiyuddin

Muhammad Muizzuddin

Muhammad Hisyamuddin

Akhtar Adidah

### **Sentiasa dihormati**

Pensyarah-pensyarah

Rakan-rakan

Teman-teman seperjuangan

Bapa dan emak mertua

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kajian ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang menyampaikan risalah dakwahnya sehingga dapat mengeluarkan umat ini daripada kegelapan dengan izin Allah S.W.T.

Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan, terima kasih kepada **Dr Ahmad Johari bin Haji Sihes**, penyelia kajian ini yang begitu dedikasi memberi tunjuk ajar, ilmu pengetahuan, bimbingan serta dorongan yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, terutamanya di Fakulti Pendidikan, di atas segala kerjasama dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semuga segala jasa dan budi yang telah dicurahkan akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T dan dapatan kajian ini memberi manfaat kepada semua.

## ABSTRAK

Pendidikan tingkatan enam merupakan pendidikan prauniversiti di sekolah yang ditawarkan kepada pelajar Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam usaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam, salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah pengajaran. Kajian ini bertujuan menentukan faktor luaran dan latar belakang Guru Tingkatan Enam yang mempengaruhi domain pemikiran mereka dalam pengajaran. Domain pemikiran yang dikaji ialah falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu. Faktor luaran guru yang dikaji ialah latar belakang pelajar, keperluan pelajar, saiz kelas, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah manakala faktor latar belakang guru pula ialah kelulusan akademik, gred jawatan, kehadiran kursus penyelidikan, waktu mengajar seminggu, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar sebelum mengajar tingkatan enam, pengalaman mengajar tingkatan enam dan aliran mata pelajaran. Populasi kajian ialah Guru Tingkatan Enam di negeri Johor. Reka bentuk kajian adalah kaedah penjelasan berurutan yang menggabungkan teknik kuantitatif menggunakan soal selidik dan teknik kualitatif yang menggunakan temu bual berstruktur. Seramai 300 Guru Tingkatan Enam yang dipilih secara kaedah persampelan berkelompok menjawab soal selidik dan 10 Guru Tingkatan Enam ditemu bual. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Data temu bual dianalisis untuk mengenalpasti tema berkaitan keperluan faktor luaran dan domain pemikiran guru. Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan domain pemikiran guru iaitu falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru dan penilaian berada di tahap kepentingan tinggi sementara teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu berada di tahap kepentingan sederhana tinggi. Faktor luaran guru iaitu latar belakang pelajar, keperluan pelajar, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah berada di tahap keperluan tinggi manakala faktor saiz kelas berada di tahap keperluan sederhana tinggi dalam mempengaruhi domain pemikiran guru. Analisis data mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam domain pemikiran guru berpengalaman mengajar antara 9 hingga 16 tahun dengan 26 tahun ke atas. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara faktor luaran dan latar belakang guru dengan domain pemikiran guru. Analisis regresi berganda menunjukkan iklim bilik darjah, matlamat sekolah, keperluan pelajar dan pengalaman mengajar menyumbang sebanyak 41.3% varians terhadap domain pemikiran guru tingkatan enam dalam pengajaran. Dapatan kajian kualitatif menyokong dan menjelaskan dapatan kuantitatif berkaitan keperluan faktor luaran dan domain pemikiran guru. Kajian ini menghasilkan kerangka Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran.

## ABSTRACT

The sixth form education is the pre-university education at a school offered to students after completing the Malaysian Certificate of Education. In order to uphold the sixth form education, one aspect that needs attention is the teaching. This study aims to determine the external factors and the Sixth Form Teachers' background that influence their thinking domain in teaching. The thinking domain studied are the teaching philosophy, teaching goals, pedagogical content knowledge, classroom management, teachers' expectations, evaluation, technology, and research and individual innovativeness. The teachers' external factors investigated are the students' background, students' needs, class size, classroom climate and school goals. Meanwhile, the teachers' background factors are the academic qualification, position grade, research course attendance, teaching hours per week, teaching experience, teaching experience before teaching the sixth form, teaching experience at the sixth form and subject classification. The population of the study are the Sixth Form Teachers' in Johor. The research design is the explanatory sequential that combines the quantitative technique using questionnaires and the qualitative technique using structured interviews. A total of 300 Sixth Form Teachers selected using cluster sampling method answered the questionnaires and 10 Sixth Form Teachers were interviewed. The questionnaires data were analyzed using the descriptive and inferential statistics. The interview data were analyzed to identify the themes related to the teachers external factors and their thinking domain. The finding of the quantitative study revealed that teachers' thinking domain namely teaching philosophy, teaching goals, pedagogical content knowledge, classroom management, teachers' expectations and evaluation are ranked at high priority, whereas technology, and research and individual innovativeness are ranked at moderate high priority. External factors namely student background, students' needs, classroom climate and school goals are highly, while the class size is at moderately highly needed in influencing teachers' thinking domain. Analysis of data shows there is significant difference in teachers' thinking domain between teachers who have 9 to 16 years teaching experience with over 26 years of teaching experience. The correlation analysis shows that there are significant relationships between teachers' external factors and teachers' background with teachers' thinking domain. Multiple regression analysis shows that classroom climate, school goals, students' needs and teaching experience contribute 41.3% variance towards the Sixth Form Teachers' thinking domain. The findings of the qualitative study supports and clarifies the findings of the quantitative study related to the teachers' external factors and their thinking domain. This study has produced a framework of The Sixth Form Teachers' Thinking Domain In Teaching.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xxiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxvii
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	6
	1.2.1 Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam	7
	1.2.2 Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	11
	1.3 Pernyataan Masalah	15
	1.4 Objektif Kajian	19
	1.5 Soalan Kajian	20
	1.6 Hipotesis Kajian	20
	1.7 Rasional Kajian	22
	1.8 Kepentingan Kajian	25

1.9	Kerangka Kajian	27
1.9.1	Kerangkan Teori Kajian	27
1.9.2	Kerangka Konsep Kajian	30
1.10	Batasan Kajian	33
1.11	Definisi Operasional	35
1.11.1	Domain Pemikiran Guru	35
1.11.2	Guru Tingkatan Enam	35
1.11.3	Mata Pelajaran Tingkatan Enam	36
1.11.4	Tingkatan Enam	36
1.11.5	Pengajaran	36
1.11.6	Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	37
1.11.6.1	Latar Belakang Pelajar	37
1.11.6.2	Keperluan Pelajar	37
1.11.6.3	Saiz Kelas	38
1.11.6.4	Iklim Bilik Darjah	38
1.11.6.5	Matlamat Sekolah	38
1.11.7	Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	39
1.11.7.1	Pengalaman Guru	39
1.11.7.2	Pengajaran Mata Pelajaran Tingkatan Enam	39
1.11.7.3	Mata Pelajaran Pengkhususan	40
1.11.7.4	Waktu Mengajar	40
1.11.7.5	Kelulusan Akademik	40
1.11.7.6	Kehadiran Kursus Penyelidikan	41
1.11.8	Domain Pemikiran	41
1.11.8.1	Falsafah Pengajaran	41
1.11.8.2	Matlamat Pengajaran	41
1.11.8.3	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	42
1.11.8.4	Pengurusan Bilik Darjah	42
1.11.8.5	Ekspektasi Guru	42
1.11.8.6	Penilaian	43



	1.11.8.7	Teknologi	43
	1.11.8.8	Penyelidikan Dan Keinovatifan Individu	43
	1.11.9	Gred Perjawatan Guru Tingkatan Enam	44
1.12		Penutup	44
<b>2</b>		<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>45</b>
2.1		Pendahuluan	45
2.2		Teori Interaksi Simbolik	45
2.3		Perancangan Guru	48
	2.3.1	Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark dan Peterson (1996)	49
	2.3.2	Model Keputusan Perancangan Guru	51
2.4		Domain Pemikiran Guru	52
	2.4.1	Falsafah Pengajaran Guru	53
	2.4.2	Gaya Pengurusan Bilik Darjah	54
	2.4.3	Matlamat Pengajaran Guru	56
	2.4.4	Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	58
	2.4.5	Penilaian	63
	2.4.6	Ekspektasi	67
	2.4.7	Teknologi	69
	2.4.8	Penyelidikan dan Keinovatifan Individu	71
2.5		Faktor Yang Mempengaruhi Domain Pemikiran Guru	74
	2.5.1	Latar Belakang Pelajar	75
	2.5.2	Keperluan Pelajar	77
	2.5.3	Personaliti Bilik Darjah	78
	2.5.4	Saiz Kelas	78
	2.5.5	Iklim Bilik Darjah	79
	2.5.6	Matlamat Sekolah	83
2.6		Teori Pemikiran	84

2.7	Pengajaran Guru Dan Kaitan Dengan Faktor Luaran dan Latar Belakang	87
2.7.1	Teori Pengajaran dan Pembelajaran Sosial	88
2.7.2	Model Pengajaran Dunkin dan Biddle	90
2.7.3	Model Teras Pengetahuan Shulman	92
2.7.4	Model Umum Pengajaran	94
2.7.5	Model Pengajaran Joyce dan Weil	97
2.8	Kajian Lepas Guru Tingkatan Enam	99
2.9	Penutup	101
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>102</b>
3.1	Pengenalan	102
3.2	Reka Bentuk Kajian	103
3.3	Pendekatan Kuantitatif	109
3.3.1	Populasi dan Sampel Kajian	110
3.3.2	Instrumen Kajian	113
3.3.2.1	Bahagian A: Latar Belakang Guru Tingkatan	114
3.3.2.2	Bahagian B : Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	116
3.3.2.3	Bahagian C : Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	118
3.3.3	Pengesahan Instrumen Kajian	120
3.3.3.1	Kesahan Item Soal Selidik Faktor Luaran Guru	121
3.3.3.2	Kesahan Item Soal Selidik Domain Pemikiran Guru Dalam Pengajaran	121
3.3.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	122
3.3.4.1	Kajian Rintis	123
3.3.5	Prosedur Mengumpul Data Kajian	146
3.3.6	Analisis Data	147

	3.3.6.1	Analisis Deskriptif	147
	3.3.6.2	Analisis Statistik Inferensi	149
3.4		Pendekatan Kualitatif	155
	3.4.1	Populasi dan Sampel Kajian	155
	3.4.2	Instrumen Kajian	156
	3.4.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Item Temu Bual	158
	3.4.4	Protokol Temu Bual	158
	3.4.5	Analisis data	159
3.5		Penerokaan Dan Saringan Data	161
	3.5.1	Kelinearan Data	162
	3.5.2	Taburan Normal Data	163
	3.5.3	Mengenal Pasti Data Terpencil ( <i>Outliers</i> )	166
	3.5.4	Pengesanan Multikolineariti	167
3.6		Penutup	168
<b>4</b>		<b>ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN</b>	<b>170</b>
	4.1	Pengenalan	170
	4.2	Dapatan Kajian Kuantitatif	171
	4.2.1	Profil Responden Kuantitatif	171
	4.2.2	Dapatan Kajian Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	174
	4.2.3	Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	183
	4.2.4	Analisis Inferens	192
	4.2.4.1	Perbezaan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	192
	4.2.4.2	Dapatan Kajian Hubungan Antara Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Dengan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	199

	4.2.4.3	Analisis Regresi Berganda Linear	201
4.3		Dapatan Kajian Kualitatif	214
	4.3.1	Profil Responden Kualitatif	215
	4.3.2	Dapatan Kajian Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	219
	4.3.2.1	Komponen: Latar Belakang Pelajar	219
	4.3.2.2	Komponen: Keperluan Pelajar	221
	4.3.2.3	Komponen: Saiz Kelas	224
	4.3.2.4	Komponen: Iklim Bilik Darjah	225
	4.3.2.5	Komponen: Matlamat Sekolah	226
	4.3.3	Dapatan Kajian Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	229
	4.3.3.1	Komponen: Falsafah Pengajaran	229
	4.3.3.2	Komponen: Matlamat Pengajaran	231
	4.3.3.3	Komponen: Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	233
	4.3.3.4	Komponen: Pengurusan Bilik Darjah	235
	4.3.3.5	Komponen: Ekspektasi Guru	236
	4.3.3.6	Komponen: Penilaian	238
	4.3.3.7	Komponen: Teknologi	240
	4.3.3.8	Komponen: Penyelidikan dan Keinovatifan Individu	243
4.4		Rumusan Dapatan Kajian	246
	4.4.1	Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif	247
	4.4.2	Rumusan Dapatan Kajian Kualitatif	250
4.5		Penutup	251

<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>252</b>
5.1	Pengenalan	252
5.2	Rumusan Dapatan kajian	253
5.2.1	Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Terhadap Keperluan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	253
5.2.2	Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam Pengajaran	255
5.2.3	Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	257
5.2.4	Hubungan Diantara Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dengan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	257
5.3	Perbincangan	259
5.3.1	Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Terhadap Keperluan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	259
5.3.1.1	Latar Belakang Pelajar	260
5.3.1.2	Keperluan Pelajar	261
5.3.1.3	Matlamat Sekolah	263
5.3.1.4	Iklim Bilik Darjah	265
5.3.1.5	Saiz Kelas	266
5.3.2	Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	267
5.3.2.1	Ekspektasi Guru	268
5.3.2.2	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	270
5.3.2.3	Penilaian	272
5.3.2.4	Falsafah Pengajaran	273
5.3.2.5	Matlamat Pengajaran	276

5.3.2.6	Pengurusan Bilik Darjah	277
5.3.2.7	Penyelidikan Dan Keinovatifan Individu	278
5.3.2.8	Teknologi	282
5.3.3	Perbezaan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Faktor Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	284
5.3.4	Hubungan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dengan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	286
5.3.5	Sumbangan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam Dan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Terhadap Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	287
5.3.5.1	Iklm Bilik Darjah	288
5.3.5.2	Matlamat Sekolah	290
5.3.5.3	Keperluan Pelajar	293
5.3.5.4	Pengalaman Guru Mengajar	294
5.4	Kesimpulan Kajian: Pembentukan Kerangka Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	295
5.5	Implikasi Dan Perbincangan	296
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	308
5.7	Penutup	310

**RUJUKAN****311**

Lampiran A - K

324 - 347

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Gaya Pemikiran dan Kaedah Pengajaran Sternberg (1997)	87
3.1	Anggaran Bilangan Minimum Sampel Mengikut Daerah Negeri Johor	113
3.2	Maklumat Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	115
3.3	Taburan Item Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	117
3.4	Taburan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam	119
3.5	Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 1 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	125
3.6	Pengubahsuaian Pernyataan Item-Item Dalam Soal Selidik Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	126
3.7	Nilai Kebolehpercayaan Rintis 1 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	127
3.8	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Faktor Latar Belakang Pelajar Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	130

3.9	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Faktor Keperluan Pelajar Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	131
3.10	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Bilangan Pelajar Di Dalam Satu Bilik Darjah Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	133
3.11	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Iklim Bilik Darjah Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	135
3.12	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Matlamat Sekolah Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	136
3.13	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Falsafah Pengajaran Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	138
3.14	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Matlamat Pengajaran Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	139
3.15	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	141
3.16	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Pengurusan Bilik Darjah Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	143



3.17	Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis 2 Alpha <i>Cronbach</i> Konstruk Ekspektasi Guru Dengan Soal Selidik Hafidah Mohamed (2001)	145
3.18	Interpretasi Skor Keperluan Guru Tingkatan Enam Terhadap Faktor Luaran Guru Nunaly dan Bernstein (1994)	149
3.19	Interpretasi Skor Kepentingan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Nunaly & Bernstein (1994)	149
3.20	Interpretasi Saiz Pekali Korelasi Kajian Gravetter dan Wallnau (2004)	153
3.21	Ujian Statistik Multikoleneartiti Pembolah Ubah Bebas	167
3.22	Rumusan Analisis Data Dalam Menjawab Soalan Kajian	168
4.1	Taburan Kuantitatif Guru Tingkatan Enam Mengikut Latar Belakang Peribadi	172
4.2	Taburan Kuantitatif Guru Tingkatan Enam Mengikut Latar belakang Perkhidmatan Sebagai Guru	174
4.3	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Keseluruhan	175
4.4	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Jantina Dan Status Perkahwinan	176
4.5	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Kelulusan Akademik Dan Kehadiran Kursus Penyelidikan	177
4.6	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Gred Jawatan Guru	178
4.7	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Waktu Mengajar Seminggu	179

4.8	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Tempoh Menjadi Guru	180
4.9	Nilai Min Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Tempoh Pengalaman Sebelum Menjadi Guru Tingkatan Enam Dan Aliran Mata Pelajaran Tingkatan Enam	181
4.10	Nilai Min Faktor Luaran Responden Berdasarkan Tempoh Mengajar Sebagai Guru Tingkatan Enam	182
4.11	Nilai Min Faktor Luaran Responden Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran Pengkhususan Ijazah Sarjana Muda	183
4.12	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Keseluruhan	184
4.13	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Jantina Dan Status Perkahwinan	185
4.14	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik Dan Kehadiran Kursus Penyelidikan	186
4.15	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Gred Jawatan Guru	187
4.16	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Waktu Mengajar Seminggu	188
4.17	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Tempoh Pengalaman Menjadi Guru	189

4.18	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Tempoh Pengalaman Sebelum Menjadi Guru Tingkatan Enam Dan Aliran Mata Pelajaran Tingkatan Enam	190
4.19	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Tempoh Mengajar Sebagai Guru Tingkatan Enam	191
4.20	Nilai Min Faktor Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran Pengkhususan Ijazah Sarjana Muda	192
4.21	Hasil Ujian Anova Satu Hala Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Gred Jawatan	193
4.22	Hasil Ujian Anova Sehalu Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	194
4.23	Hasil Ujian Post Hoc Turkey HSD Bagi Perbezaan Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	195
4.24	Hasil Ujian Anova Sehalu Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Guru Tingkatan Enam	196
4.25	Hasil Ujian-t Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Sebelum Mengajar Tingkatan Enam	196

4.26	Hasil Ujian-t Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Mata Pelajaran Mengajar Tingkatan Enam	197
4.27	Hasil Ujian ANOVA Sehalu Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Waktu Mengajar Seminggu	198
4.28	Hasil Ujian-t Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik	198
4.29	Hasil Ujian-t Bagi Skor Min Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Berdasarkan Kehadiran Kursus Penyelidikan	199
4.30	Pekali Korelasi Antara Komponen Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dengan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	201
4.31	Pekali Korelasi Berganda Antara Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Dengan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	201
4.32	Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Bagi Komponen Latar Belakang Guru Tingkatan Enam Dan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Menyumbangkan Terhadap Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	204

4.33	Analisis ANOVA Model Regresi Berganda Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran Menggunakan Komponen Pemboleh Ubah Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam	205
4.34	Nilai $\beta$ Bagi Sumbangan Komponen Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar	206
4.35	Persamaan Regresi Berganda Linear Komponen Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam Terhadap Komponen Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	210
4.36	Persamaan Regresi Berganda Linear Piawai Komponen Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam Terhadap Komponen Domain Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	212
4.37	Taburan Kualitatif Guru Tingkatan Enam Mengikut Latar belakang Peribadi	215
4.38	Taburan Kualitatif Guru Tingkatan Enam Mengikut Latar belakang Perkhidmatan Sebagai Guru	217
4.39	Taburan Kualitatif Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Kod Responden	218
4.40	Rumusan Komponen Dan Tema Bagi Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam	229
4.41	Rumusan Komponen Dan Tema Bagi Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	246

4.42	Rumusan Ujian-t Perbezaan Faktor Latar belakang Guru Tingkatan Enam Terhadap Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	247
4.43	Rumusan Analisis ANOVA Satu Hala Perbezaan Faktor Latar belakang Guru Tingkatan Enam Terhadap Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	248
4.44	Rumusan Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Berkaitan Hubungan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dengan Domain Pemikiran Guru Tingkatan Dalam Pengajaran	249

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	30
1.2	Kerangka Konsep Kajian	32
2.1	Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark dan Peterson (1986)	49
2.2	Model Keputusan Perancangan Guru Myers (1995)	52
2.3	Konsep Interaksi Sosial oleh Bandura (1977)	89
2.4	Model Pengajaran dan Pembelajaran Dunkin dan Biddle (1974)	92
2.5	Model Teras Pengetahuan Shulman (1987)	93
2.6	Model Umum Pengajaran Abdull Sukor Shaari (2011)	94
3.1	Reka Bentuk Kaedah Campuran Kuantitatif Dengan Penjelasan Lanjutan Kaedah Kualitatif	104
3.2	Hubungan Pemboleh Ubah-Pemboleh Ubah Kajian	109
3.3	Prosedur Interaktif Kajian Kualitatif	160
3.4	P-P Plot Lineariti Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	163
3.5	Histogram Residual Piawai (Standard Residual) Bagi Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	164
3.6	<i>Detrended Normal P-P Plot</i> Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	165

3.7	<i>Box-and-whisker plot</i> Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	166
4.1	Sumbangan Faktor Latar Belakang Dan Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Terhadap Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	214
5.1	Kerangka Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran	296



## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	-	<i>Analysis of Variance</i>
DPGT6	-	Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam
FL	-	Faktor Luaran
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GAT6	-	Guru Akademik Tingkatan Enam
GC	-	Guru Cemerlang
GJ	-	Gred Jawatan Guru
GP	-	Guru Penolong
GT6	-	Guru Tingkatan Enam
IBD	-	Iklim Bilik Darjah
ICT	-	Teknologi Komunikasi dan Maklumat
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KA	-	Kelulusan Akademik
KKP	-	Kehadiran Kursus Penyelidikan
KP	-	Keperluan Pelajar
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LBG	-	Latar belakang Guru
LBP	-	Latar Belakang Pelajar
MPM	-	Majlis Peperiksaan Malaysia
MPT6	-	Mata Pelajaran Tingkatan Enam
MS	-	Matlamat Sekolah
P	-	Penilaian
PBL	-	Projek Berasaskan Pembelajaran
PBT6	-	Pengalaman Mengajar Sebelum Mengajar Tingkatan Enam
PGT6	-	Pengalaman Mengajar Tingkatan Enam
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah

PPIK	-	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan
SK	-	Saiz Kelas
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
WM	-	Waktu Mengajar

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	324
B	Soalan Temu Bual	335
C	Analisis Kajian Rintis	337
D	Borang Penilaian Soal Selidik Daripada Pakar 1	340
E	Borang Penilaian Soal Selidik Daripada Pakar 2	341
F	Laluan Kerjaya Guru Cemerlang	342
G	Laluan Kerjaya Guru Berdasarkan tempoh masa	343
H	Laluan Kerjaya Gred Hakiki Guru Akademik Tingkatan Enam	344
I	Pencapaian STPM sekolah kerajaan	345
J	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	346
K	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Jabatan Pendidikan Johor	347

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan merupakan satu wadah untuk melahirkan ciri-ciri pelajar yang sebagaimana yang dikehendaki oleh sesebuah negara. Malaysia sebuah negara yang sedang membangun tidak ketinggalan dalam menggunakan sistem pendidikan sebagai alat untuk menyediakan pelajar sesuai dengan wawasan negara untuk mencapai tahap negara maju. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dijadikan sebagai landasan dalam perancangan sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang. FPK memberi juga menjadi garis panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mereka bentuk sistem pendidikan daripada peringkat prasekolah sehinggalah peringkat pendidikan tinggi. Pernyataan FPK ialah:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan)

Selaras dengan FPK, KPM telah merancang pelan pendidikan dalam jangka panjang iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Pelan pendidikan ini memberi fokus kepada peringkat pendidikan prasekolah hingga pendidikan lepasan menengah. Lanjutan pendidikan tersebut pihak KPM telah merancang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) merupakan kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020 serta penyelarasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menggariskan 11 transformasi dalam mencapai hasrat pendidikan Malaysia sehingga tahun 2025. 11 transformasi tersebut ialah memastikan setiap murid profisien dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai, transformasi keguruan sebagai profesion pilihan, memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di tempatkan setiap sekolah, mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan, memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian, bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas, memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit dan meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

Bagi memastikan kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), KPM telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) memastikan produk yang dilahirkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dapat diteruskan dalam pendidikan tinggi. Terdapat 10 lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang, kecemerlangan bakat, menghayati pembelajaran sepanjang hayat, graduan pendidikan dan latihan tenikal dan vokasional (TVET) berkualiti, kemampuan kewangan, pemantapan tadbir urus, ekosistem inovasi,

keunggulan global, pembelajaran dalam talian tahap global dan transformasi penyampaian pendidikan tinggi.

Secara umumnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) berpaksikan kepada FPK iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengabaikan akhlak, perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan berterusan. Hasrat KPM untuk melahirkan pelajar yang selaras dengan FPK bermula sistem pendidikan formal sejak pendidikan prasekolah, menengah, lepasan menengah dan pendidikan tinggi yang dirangkumi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

Selaras dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), KPM telah merancang dan berusaha memartabatkan sistem pendidikan tingkatan enam selaras dengan perkembangan semasa pendidikan prauniversiti. Pendidikan tingkatan enam merupakan pendidikan lepasan menengah juga menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mencapai hasrat PFK melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sendiri dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Tingkatan enam merupakan lanjutan pendidikan menengah serta lepasan tingkatan enam boleh meneruskan pendidikan tinggi setelah mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Guru Tingkatan Enam diberi tanggungjawab untuk mengajar tingkatan enam untuk meneruskan sistem pendidikan di sekolah bagi memastikan hasrat FPK dapat dicapai melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan asas kepada pencapaian 10 lonjakan pendidikan tinggi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

Pengajaran tingkatan enam juga selaras dengan kehendak FPK kerana Guru Tingkatan Enam merupakan tenaga pengajar yang memainkan peranan penting dalam mengaplikasikan elemen-elemen dalam FPK dijadikan sandaran dalam falsafah pengajaran tingkatan enam supaya hasrat FPK dapat dicapai. Falsafah pengajaran menjadi asas domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam merancang dan melaksanakan pengajaran tingkatan enam. Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia (2013-2025) dijadikan strategi yang digunakan dalam melengkapkan pencapaian hasrat FPK iaitu terdapat 11 transformasi pendidikan dirancang. Melalui pengajaran terhadap sesuatu mata pelajaran, Guru Tingkatan Enam boleh menerapkan elemen FPK supaya dapat menjayakan transformasi pendidikan terutama dalam aspek pengetahuan, akhlak, modal insan yang holistik, kreatif dan inovatif, teknologi dan ICT. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam iaitu teknologi, penilaian, penyelidikan dan keinovatifan individu merupakan domain yang perlu ada dalam perancangan pengajaran guru. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam iaitu matlamat pengajaran, ekspektasi guru dan pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) merupakan satu bidang pemikiran yang penting bagi memastikan perancangan pengajaran mampu mendokong falsafah pengajaran Guru Tingkatan Enam.

Tingkatan enam di sekolah bantuan kerajaan diuruskan sepenuhnya oleh KPM. Di akhir persekolahan tingkatan enam, pelajar menduduki peperiksaan STPM yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Tingkatan enam menawarkan dua jurusan iaitu bidang sains dan bidang kemanusiaan dengan terdapatnya 24 mata pelajaran termasuklah termasuk *Malaysia University English Test* (MUET).

Usaha mentransformasikan tingkatan enam oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), diambil inisiatif terlebih dahulu oleh pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2009) dengan mewujudkan satu pengurusan baharu tingkatan enam dalam aspek kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan penyelidikan, termasuklah kewujudan perjawatan baharu iaitu penolong kanan tingkatan enam yang mengurus semua hal ehwal tingkatan enam. Pengurusan baharu tingkatan enam bertujuan melakukan perubahan yang positif dalam tingkatan enam terutama dalam aspek pengajaran. Perubahan pendidikan tingkatan enam dapat mendorong pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih tingkatan enam. Pengurusan baharu tingkatan enam yang diwujudkan sejajar dengan sistem pengajaran lepasan menengah (pendidikan prauniversiti).

Pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar tingkatan enam seiring pelajar prauniversiti boleh mendorong pelajar lepasan SPM meneruskan

tingkatan enam, ini bersesuaian dengan pandangan Pascarella (2005) iaitu menekankan tentang pengajaran selepas pendidikan menengah dengan menekankan kepada bagaimana pelajar boleh belajar dan membangunkan intelektual berdasarkan penekanan penggunaan pengajaran inovatif. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam penyelidikan membolehkan guru menghasilkan keinovatifan dalam pengajaran supaya perancangan kaedah pengajaran bersesuaian dengan pelajar tingkatan enam. Guru yang mengajar tingkatan enam sewajarnya menggunakan kaedah yang berbeza untuk membangunkan intelek pelajar tingkatan enam. Pendekatan pengajaran inovatif boleh mewujudkan pengajaran yang menarik bersesuaian dengan penekanan Stodolsky dan Grossman (2000) mendapati bahawa guru-guru perlu membuat perubahan dalam pendekatan pengajaran mereka bagi menghadapi perubahan pelajar.

Guru Tingkatan Enam memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar lepasan SPM menerima pendidikan sesuai dengan tahap pendidikan prauniversiti. Tahap pendidikan prauniversiti sudah tentu berbeza dengan pendidikan menengah dalam aspek pengajaran kerana pelajar tingkatan enam digolongkan sebagai pelajar yang telah dewasa. Pelajar tingkatan enam juga menerima pendidikan selaras dengan hasrat FPK, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Oleh kerana proses pengajaran tingkatan enam banyak dipengaruhi oleh domain pemikiran guru, kajian domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dapat membantu melahirkan pelajar tingkatan yang selaras dengan FPK, Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sendiri dan sesuai dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) apabila pelajar meneruskan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi.

Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh menentukan corak perancangan dan tindakan guru dalam pengajaran. Selain itu, faktor-faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam perlu dikaji kerana faktor ini merupakan pemboleh ubah yang mempengaruhi bentuk pemikiran guru serta menentukan hala tuju Guru Tingkatan Enam dalam perancangan dan tindakan pengajaran. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran menjadi pengukur dalam keputusan perancangan dan tindakan guru dalam pengajaran



sebagaimana yang dikehendaki sistem pendidikan negara. Dalam hal ini, usaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam dapat diteruskan bersesuaian dengan usaha KPM bermula daripada akhir tahun 2013 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) untuk mentransformasikan tingkatan enam dapat dicapai.

KPM melalui Bajet 2014 memperuntukkan sebanyak RM209 juta untuk meningkatkan profesionalisme guru merupakan satu usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh pihak kerajaan memartabatkan kualiti guru, ini tidak terkecuali Guru Tingkatan Enam yang terlibat dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar tingkatan enam. Faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam termasuklah faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam. Faktor ini berkemungkinan boleh mempengaruhi Guru Tingkatan Enam dalam proses penyampaian pengajaran guru yang melibatkan proses perancangan pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran sebagaimana model dikemukakan oleh Clark dan Peterson (1986).

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh memberi impak yang besar dalam proses pengajaran pelajar tingkatan enam dalam mewujudkan satu proses pengajaran yang berkesan. Dalam usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) membuat perancangan mentransformasikan tingkatan enam, Guru Tingkatan Enam boleh berkongsi pengalaman dengan Guru Tingkatan Enam yang lain untuk mewujudkan satu platform wacana dalam menyumbangkan idea dan berkongsi pengalaman diantara Guru Tingkatan Enam.

Data pelajar tingkatan enam diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), merujuk bilangan pelajar tingkatan enam di sekolah menengah bantuan kerajaan di Malaysia ialah seramai 102,551 murid pada tahun 2010, 104,571 murid pada tahun 2011, 113,505 murid pada tahun 2012, 111,180 murid pada tahun 2013 dan 97,806 murid pada tahun 2014. Bilangan pelajar tingkatan enam yang ramai membuktikan bahawa

pihak KPM telah berusaha memberi peluang seluas-luasnya kepada pelajar lepasan SPM meneruskan pendidikan tingkatan enam. Namun begitu bilangan pelajar tingkatan enam pada tahun 2014 yang meneruskan pendidikan tingkatan enam semakin berkurangan disebabkan persaingan hebat di peringkat pendidikan prauniversiti seperti pengajian diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta. Selain itu pelajar lepasan SPM boleh melanjutkan pendidikan prauniversiti di Kolej Matrikulasi dan pengajian Asasi di universiti. KPM memperuntukkan seramai 12,136 Guru Tingkatan Enam diberi tanggungjawab mengajar tingkatan enam berdasarkan mata pelajaran yang ditawarkan sekolah-sekolah tingkatan enam di Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia 2014) bagi menampungi bilangan pelajar tingkatan enam yang ramai.

### **1.2.1 Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam**

Guru Tingkatan Enam terdiri daripada tiga kumpulan guru iaitu Guru Akademik Tingkatan Enam (GAT6), Guru Cemerlang (GC) dan Guru Penolong (GP). GAT6 merupakan Guru Tingkatan Enam yang dilantik khusus untuk perjawatan tingkatan enam. Pelantikan GAT6 berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu mempunyai pengalaman mengajar selama 5 tahun, diperakui oleh ketua jabatan, pencapaian markah prestasi tahunan yang memuaskan dan mengajar mata pelajaran tingkatan enam. Pelantikan GC yang mengajar tingkatan enam oleh KPM adalah sama dengan pelantikan GC bagi sekolah rendah dan sekolah menengah. Kepakaran GC yang mengajar tingkatan enam berbeza dengan guru cemerlang lain disebabkan faktor tahap pendidikan dan pelajar. GP merupakan guru yang diberi tanggungjawab oleh pihak pentadbiran sekolah untuk mengajar pelajar tingkatan enam berdasarkan kepada keperluan dan kekosongan di sesebuah sekolah tingkatan enam. GP asasnya adalah guru yang dilantik untuk mengajar pelajar tingkatan peralihan hingga tingkatan lima.

Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam merupakan satu proses yang di lalui oleh guru dalam membuat perancangan pengajaran. Menurut Ruggiero (2007),

Mangantar (1987) dan Philip (1997), pemikiran merujuk satu proses mental yang memerlukan pengetahuan dalam pengolahan kemahiran mental untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Pemikiran seseorang itu akan membentuk tingkah laku dan sikap seseorang. Dalam kajian pemikiran Guru Tingkatan Enam merujuk kepada satu proses mental yang diperlukan oleh guru dalam membuat perancangan pengajaran serta melaksanakan melalui proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Pemikiran Guru Tingkatan Enam menjadi faktor penting dalam mempengaruhi sebarang perancangan, keputusan dan tindakan dalam pengajaran. Kajian ini dijalankan disebabkan pemikiran guru di sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam berbeza disebabkan faktor peringkat pendidikan pelajar dan ciri-ciri personaliti pelajar. Model kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Pemikiran dan Tindakan Guru oleh Clark dan Peterson (1986) yang sesuai dijalankan kajian terhadap tenaga pengajar yang mengajar peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan pendidikan tinggi. Oleh itu untuk menguji Model Pemikiran dan Tindakan Guru oleh Clark dan Peterson (1986) terhadap pendidikan tingkatan enam kajian domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam perlu dijalankan.

Domain pemikiran guru yang utama ialah falsafah pengajaran. Falsafah pengajaran guru hendaklah selari dengan FPK. Pemikiran Guru Tingkatan Enam dapat diterjemahkan melalui perancangan guru, keputusan guru dan tindakan guru dalam pengajaran tingkatan enam. Perancangan guru, keputusan guru dan tindakan guru bersesuaian dengan konteks pelajar tingkatan enam yang merupakan pelajar prauniversiti berbeza dengan konteks tahap pendidikan pelajar lain. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam bidang matlamat pengajaran diperlukan oleh guru dalam mencapai sesuatu objektif pengajaran. Menurut Myers dan Myers (1995) matlamat pengajaran ditetapkan oleh guru dan pemimpin sekolah tentang pencapaian pelajar melalui perancangan dan pengajaran guru. Guru Tingkatan Enam perlu merancang pengajaran berdasarkan matlamat pengajaran yang ditetapkan berdasarkan topik yang perlu diajar.

PPIK melambangkan penyepaduan antara isi kandungan dan pedagogi. Guru Tingkatan Enam dikehendaki mengajar mata pelajaran berdasarkan isi kandungan

yang telah ditetapkan dalam sukatan mata pelajaran. Menurut Shulman (2004) PPIK sebagai satu pengetahuan membolehkan guru mengubah kaedah pengajaran berdasarkan topik supaya pengajaran menjadi lebih menarik dan mudah difahami oleh pelajar. Sukatan pelajaran setiap mata pelajaran tingkatan enam digubal oleh MPM berdasarkan kepada lanjutan daripada sukatan pelajaran daripada peringkat sekolah menengah atau merupakan satu mata pelajaran baharu yang belum diajar dalam tahap pendidikan prasekolah, rendah dan menengah. Oleh itu kaedah penyampaian pengajaran berbeza disebabkan perbezaan dari segi isi kandungan yang diajar. Guru Tingkatan Enam memiliki satu kepakaran mengajar sesuatu mata pelajaran dan memiliki pengalaman yang berguna yang mampu mengajar dengan berkesan serta dapat meningkatkan kefahaman pelajar berdasarkan penguasaan PPIK.

Ekspektasi guru ke atas pelajar tingkatan enam merupakan satu harapan seseorang guru ke atas pencapaian seseorang pelajar. Pelajar tingkatan enam merupakan pelajar lepasan menengah yang menghadapi persekitaran pengajaran yang berbeza dengan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Oleh itu ekspektasi guru ke atas pelajar tingkatan enam menghadapi situasi yang berbeza dengan pelajar lain berdasarkan persekitaran pengajaran yang dihadapi. Pengajaran yang disampaikan oleh guru berbeza dari segi penguasaan isi kandungan, kaedah pengajaran, misi sekolah dan penilaian mengikut tahap pendidikan pelajar (Kauchak, & Eggen, 2011).

Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam aspek teknologi boleh membantu guru dalam meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran. Menurut Parkay dan Stanford (2010), guru perlu menguasai teknologi dalam meningkatkan profesionalisme sebagai guru termasuklah pengetahuan bagaimana integrasi teknologi untuk pengajaran. Kajian yang dijalankan oleh KPM, mendapati, 80% guru menggunakan ICT kurang satu jam seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Pengurusan penilaian yang melibatkan penggunaan *online* dalam memasukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan, penyeliaan hasil projek pelajar, mencetak bahan-bahan daripada web MPM, pengurusan peperiksaan secara sistem berpenggal memerlukan waktu singkat, kesannya Guru Tingkatan Enam perlu menguasai pengetahuan teknologi bagi memenuhi tuntutan ini. Perbezaan dengan

sistem pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah ialah sistem pengajaran tingkatan enam secara berpeggal disebabkan peperiksaan dan kerja kursus mengikut penggal berbanding dengan pendidikan menengah dan rendah secara terminal. Dalam hal ini, Guru Tingkatan Enam memerlukan domain pemikiran dalam bidang teknologi supaya dapat mempunyai kecekapan dari segi masa dan kos selari dengan sistem tingkatan enam yang baharu diperkenalkan.

Penyelidikan yang dikendalikan oleh guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran ialah kajian tindakan. Kajian tindakan yang dilakukan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor isi kandungan, faktor pelajar dan faktor persekitaran. Melalui kajian tindakan, guru mampu memahami dan memeriksa secara kritikal satu cara guru dapat meningkatkan pengetahuan profesionalisme dengan membuat kajian tersebut di dalam bilik darjah (Kauchak dan Eggen, 2011). Kajian tindakan dilakukan semua tahap pendidikan iaitu peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam. Konteks setiap tahap pendidikan di sekolah adalah berbeza, dengan itu keperluan kajian tindakan dijalankan dalam pendidikan tingkatan enam untuk menyelesaikan masalah pengajaran tingkatan enam yang wujud.

Kajian tindakan yang dijalankan oleh Guru Tingkatan Enam boleh menjana keinovatifan seseorang guru dalam menyampaikan pengajaran. Kesannya pengajaran dapat disampaikan oleh guru dengan lebih berkesan. Ciri-ciri inovatif yang ada pada Guru Tingkatan Enam mampu membuat perubahan dalam proses perancangan, keputusan dan tindakan dalam proses pengajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia, (2012), inovasi dalam pengajaran memberi kesan yang positif dalam pengajaran dan seterusnya boleh memberi impak yang positif dalam prestasi sekolah. Guru sentiasa menghadapi persekitaran bilik darjah yang dinamik, keperluan pelajar yang pelbagai dan keputusan pihak pentadbiran sekolah boleh memberi impak kepada proses pengajaran. Dengan itu guru mampu menyesuaikan proses pengajaran dengan segera bagi memenuhi tuntutan konteks yang dihadapi di sekolah. Tingkatan enam yang beroperasi di sekolah juga akan menghadapi senario yang sama dengan pendidikan pelajar sekolah menengah boleh memberi kesan yang sama dalam proses pengajaran. Pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam domain

pemikiran ini dapat membantu meningkatkan pengajaran. Bagi menghasilkan guru inovatif, konteks ini digambarkan oleh Yang, H.H., Yang., H.J., Yao., K.W. & Huang F.F. (2009), keinovatifan individu dapat diterangkan menerusi ciri-ciri peribadi individu seperti kemampuannya untuk berdikari, berfikiran jauh, berkebolehan dalam memperkenalkan idea baru, dan mampu melaksanakan tugas dengan efisien.

### **1.2.2 Faktor Luaran Guru Tingkatan Enam Dan Latar Belakang Guru Tingkatan Enam**

Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam merupakan faktor penentu dalam perancangan, keputusan dan tindakan Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam perlu dikaji supaya faktor ini perlu dipertimbangkan oleh pihak sekolah, JPN dan KPM dalam melaksanakan program yang berkesan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru-guru tingkatan enam. Kajian yang dijalankan ke atas guru akademik dan guru cemerlang ke atas pelajar sekolah menengah memberi dapatan kajian untuk menjawab persoalan tertentu tetapi tidak memberi jawapan yang khusus kepada pengajaran tingkatan enam walaupun secara umumnya faktor luaran guru dan latar belakang Guru Tingkatan Enam secara signifikan boleh mempengaruhi pemikiran domain pemikiran Guru Tingkatan Enam.

Faktor luaran Guru Tingkatan Enam terbahagi kepada dua persekitaran iaitu faktor persekitaran pelajar dan persekitaran fizikal sekolah. Pelajar tingkatan enam menghadapi persekitaran fizikal yang sama dengan persekitaran pelajar sekolah menengah seperti saiz kelas dan iklim bilik darjah tetapi berbeza persekitaran pelajar dalam aspek latar belakang pelajar, keperluan pelajar dan matlamat sekolah. Dapatan kajian oleh Hafidah Mohamed (2001), Hashim Hamad (2009) dan Mohd Nasir Masran (2000) berkaitan kajian tentang guru cemerlang lebih tertumpu kepada pengajaran guru cemerlang terhadap pelajar sekolah menengah, berbeza dengan guru Guru Tingkatan Enam yang mengajar tingkatan enam. Begitu juga terdapat

perbezaan diantara tingkatan enam dengan program prauniversiti yang lain disebabkan faktor keperluan fizikal dan keperluan pelajar yang berbeza.

Tingkatan enam merupakan program prauniversiti yang dilaksanakan oleh KPM yang melibatkan pelajar yang bersekolah berhampiran dengan tempat kediaman keluarga pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, (2012) mendapati peranan ibubapa dan komuniti signifikan dalam menyumbangkan kemenjadian murid kerana 73% masa pelajar berada di luar sekolah berbanding 27% waktu pelajar berada di sekolah. Dengan itu hubungan Guru Tingkatan Enam dengan ibu bapa pelajar adalah penting dan rapat melalui persatuan ibu bapa dan guru. Hubungan yang rapat antara Guru Tingkatan Enam, sekolah dan ibu bapa berbeza dengan program prauniversiti yang lain yang mengambil pelajar daripada kawasan kediaman yang berlainan. Secara umumnya faktor pelajar tingkatan enam tidak boleh dipisahkan dengan peranan ibu bapa yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam. Menurut Parkay dan Stanford (2010), pengetahuan tentang pelajar termasuklah dalam aspek ciri-ciri pelajar, kebudayaan dan bahasa penentu terhadap keperluan pelajar yang boleh mempengaruhi pemikiran guru.

Walaupun tingkatan enam merupakan program prauniversiti yang sepatutnya terikat dengan sistem universiti, namun sistem pengajaran tingkatan enam yang dilaksanakan berasaskan kelas mengikut konteks sekolah. Dengan itu, guru yang mengajar tingkatan enam perlu mempunyai domain pemikiran berkaitan dengan pengurusan bilik darjah di sekolah. Pelajar tingkatan enam masih terikat dengan peraturan pendidikan di sekolah yang berbeza dengan peraturan pendidikan di universiti. Bilik darjah diurus secara mutlak pelajar tingkatan enam berbanding pelajar prauniversiti lain, iaitu bilik darjah dikongsi secara bersama. Pelajar tingkatan enam juga berhadapan dengan kaedah pengajaran kuliah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009), dengan itu pengurusan bilik darjah yang dijalankan oleh Guru Tingkatan Enam berbeza dengan pelajar sekolah menengah. Hal ini menyebabkan pengurusan bilik darjah merupakan satu komponen penting dalam pengajaran.

Matlamat sekolah dalam pendidikan tingkatan enam ditentukan oleh pihak sekolah dengan kerjasama daripada masyarakat setempat. Guru Tingkatan Enam boleh menyumbangkan maklumat tentang matlamat sekolah yang perlu dicapai oleh pelajar tingkatan enam. Penetapan matlamat sekolah perlu selari dengan FPK supaya hasrat pendidikan negara dapat dicapai. Pihak sekolah pula, perlu mengambil kira pandangan daripada Guru Tingkatan Enam kerana mempunyai pengalaman dalam pengajaran tingkatan enam. Selain itu pihak sekolah perlu mempertimbangkan faktor pelajar dan ibubapa kerana pelajar merupakan pihak berkepentingan bagi sesebuah sekolah yang dapat membantu pencapaian matlamat sekolah. Dengan itu, matlamat sekolah terlibat secara langsung dengan faktor yang mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam terutama pemikiran berkaitan dalam aspek ekspektasi guru terhadap pelajar.

Latar belakang guru menjadi syarat utama dalam pemilihan Guru Tingkatan Enam. Pelantikan GC dikendalikan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM. Pelantikan GC secara asasnya sama dengan syarat pelantikan GC bagi pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah. Persamaan syarat pelantikan antara GC berdasarkan setiap peringkat pendidikan ialah pengalaman mengajar. Tahap pendidikan sekolah menengah dan tingkatan enam boleh dilihat perbezaan dalam aspek kepakaran mata pelajaran iaitu GC yang mengajar tingkatan enam hendaklah mempunyai kepakaran mengajar dalam mata pelajaran yang ditawarkan. Keperluan pendidikan tingkatan enam berbeza dengan pendidikan menengah terutama dalam aspek kepakaran mata pelajaran tingkatan enam berbanding dengan pendidikan menengah, dengan itu tahap kelulusan akademik menjadi penentu utama kecemerlangan pengajaran guru dan budaya menyelidik di kalangan guru penting sejajar dengan tanggungjawab pensyarah di universiti yang memberi fokus mengembangkan kepakaran seseorang tenaga akademik iaitu membaca subjek bidang kepakaran, menghadiri seminar, persidangan, penyelidikan dan penulisan (Saroyan, A., & Amundsen, C., Jazvac, M., & Bouchard, J., 2001).

Domain pemikiran guru merupakan bidang yang penting yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas untuk meninjau pemikiran guru yang menghasilkan satu tindakan perancangan pengajaran dan tindakan guru dalam pengajaran sebagaimana yang ditekankan oleh Clark dan Peterson (1986). Hafidah Mohamed



(2001) telah menjalankan kajian ke atas GC mendapati domain pemikiran guru yang terlibat bagi GC dalam pengajaran ialah falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, pengurusan bilik darjah dan ekspektasi guru. Hasil dapatan kajian yang diperoleh hanya menggambarkan GC yang mengajar pelajar di sekolah menengah. Hal ini berlainan dengan Guru Tingkatan Enam yang mengajar pelajar tingkatan enam. Guru Tingkatan Enam bukan sahaja daripada GC, tetapi terdiri daripada GAT6 dan GP manakala pelajar tingkatan enam merupakan pelajar lepasan menengah. Kajian lain berkaitan domain pemikiran guru telah dijalankan oleh Hashim Hamad (2009) berkaitan domain pemikiran guru dalam pelaksanaan matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Kajian yang diperoleh berkaitan domain pemikiran guru yang mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris terhadap pelajar sekolah menengah. Berdasarkan kajian terdahulu, kajian pemikiran Guru Tingkatan Enam perlu dijalankan supaya dapatan kajian yang diperoleh boleh menggambarkan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran serta faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran guru dalam pengajaran.

Begitu juga keperluan menjalankan kajian domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dalam domain penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu perlu dijalankan dalam usaha KPM mentransformasikan tingkatan enam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012), usaha memartabatkan tingkatan enam (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2009) dan pentaksiran baharu STPM dengan menyokong hasrat FPK, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020.

Rumusannya, kajian yang perlu dijalankan ke atas Guru Tingkatan Enam ialah faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam iaitu faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam. Faktor luaran Guru Tingkatan Enam iaitu latar belakang pelajar, keperluan pelajar, saiz kelas, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah. Latar belakang Guru Tingkatan Enam yang perlu dikaji ialah pengalaman mengajar, pengalaman menjadi Guru Tingkatan Enam, mata pelajaran tingkatan enam, mata pelajaran pengkhususan, waktu mengajar seminggu, kelulusan akademik, dan bilangan kehadiran kursus penyelidikan. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam yang dikaji ialah falsafah

pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pendidikan tingkatan enam merupakan satu tahap pendidikan selepas pelajar menerima pendidikan selama lima atau enam tahun di sekolah menengah. Pendidikan tingkatan enam juga dikenali sebagai prauniversiti yang ada di sekolah memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar sebagaimana yang dihasratkan dalam FPK iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu Guru Tingkatan Enam memainkan peranan penting bagi memastikan melahirkan pelajar sebagaimana hasrat FPK. Dalam hal ini peranan utama Guru Tingkatan Enam ialah mengajar pelajar selaras dengan hasrat FPK. Oleh itu kajian berkaitan dengan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dapat membantu melahirkan pelajar yang dikehendaki.

Domain pemikiran guru dapat menggambarkan tentang perkara yang berlaku di dalam bilik seperti mana dalam perancangan guru sebelum mengajar. Kajian yang dijalankan oleh Chiew Wye Mei (2013) bertujuan mereka bentuk kurikulum Pengajian Perniagaan yang bersesuaian dengan keperluan masa depan subjek Pengajian Perniagaan. Kajian ini lebih memberi fokus terhadap proses pembentukan kurikulum dengan mengambil kira pandangan daripada pakar kurikulum, pelajar dan guru Pengajian Perniagaan tetapi mengabaikan peranan Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran, sedangkan perancangan dan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah memainkan peranan penting mencapai matlamat sesuatu kurikulum yang dibina. Kajian yang dijalankan oleh Kho Ai Peng (2013) berkaitan dengan pengaruh persekitaran bilik darjah dan sikap pelajar terhadap pencapaian akademik bagi subjek Pengajian Perniagaan dalam peperiksaan STPM. Pengkaji ini hanya menggunakan pelajar sebagai responden kajian dalam mengutip data kajian sedangkan faktor kejayaan pelajar bukan bergantung kepada pelajar sahaja tetapi faktor pengajaran Guru Tingkatan Enam juga penting. Kajian lain berkaitan dengan subjek tingkatan enam iaitu subjek Geografi juga dijalankan oleh Kamarudin Abu Hassan (2006).

Kajian ini bertujuan untuk menilai beberapa komponen pendekatan penerapan nilai Islam bersepadu dan model reka bentuk instruksi perisian multimedia pendidikan. Kajian ini memberi fokus terhadap hasil pengajaran guru semata-mata tanpa mengambil kira perancangan, semasa pengajaran guru dan selepas pengajaran guru. Dalam menerapkan nilai-nilai Islam dengan menggunakan perisian multimedia terhadap pelajar, peranan guru dalam proses pengajaran sangat penting. Proses pengajaran guru melibatkan domain pemikiran guru dalam menentukan aktiviti-aktiviti pengajaran guru di dalam bilik darjah. Oleh itu kajian berkaitan domain pemikiran Guru Tingkatan dalam pengajaran penting untuk menyokong dapatan kajian ini.

Berikutan dengan kekurangan kajian berkaitan dengan tingkatan enam, data pelajar tingkatan enam diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Bilangan pelajar tingkatan enam di sekolah menengah bantuan kerajaan di Malaysia ialah seramai 102,551 murid pada tahun 2010, 104,571 murid pada tahun 2011, 113,505 murid pada tahun 2012, 111,180 murid pada tahun 2013 dan 97,806 murid pada tahun 2014. Bilangan pelajar tingkatan enam yang ramai membuktikan bahawa pihak KPM telah berusaha memberi peluang seluas-luasnya kepada pelajar lepasan SPM meneruskan pengajian tingkatan enam. Selaras dengan itu seramai 12,136 Guru Tingkatan Enam diberi tanggungjawab mengajar tingkatan enam berdasarkan mata pelajaran yang ditawarkan sekolah-sekolah tingkatan enam di Malaysia. Bilangan Guru Tingkatan Enam dan pelajar tingkatan enam yang ramai menunjukkan pihak KPM berusaha memartabatkan tingkatan enam sesuai dengan pendidikan prauniversiti lain.

Pelajar tingkatan enam di sekolah kerajaan dikehendaki mengambil sekurang-kurang empat mata pelajaran dan maksimum lima mata pelajaran, dengan itu setiap guru mata pelajaran memastikan pelajar dapat sekurang-kurang lulus penuh mata pelajaran yang diajar. Oleh itu secara keseluruhan, setiap pelajar wajar mendapat kelulusan penuh sekurang-kurang empat mata pelajaran. Berdasarkan laporan tahunan MPM daripada 2008 hingga 2012 di dapati pelajar yang lulus penuh sekurang-kurang empat mata pelajaran pada tahun 2007 ialah 45.77%, 2008 ialah 47.11%, 2009 ialah 50.60%, 2010 ialah 48.98%, 2011 ialah 47.78% dan 2012 ialah 42.15%. Trend pencapaian pelajar peperiksaan STPM daripada tahun 2007 hingga

2012 menunjukkan separuh daripada calon sekolah kerajaan gagal mendapat keputusan lulus penuh sekurang-kurangnya empat mata pelajaran. Berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) dalam kajiannya mendapati kualiti pengajaran guru signifikan dalam pencapaian pelajar, dengan itu peranan Guru Tingkatan Enam dalam menyampaikan pengajaran dengan berkesan sangat penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar STPM dalam peperiksaan.

Usaha memartabatkan tingkatan enam dapat meletakkan pelajar lepasan STPM setanding dengan prauniversiti yang lain. KPM memberi lebih kuasa kepada pihak sekolah memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuklah dalam pengajaran guru. Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi perancangan dan tindakan Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran termasuklah latar belakang guru dan faktor luaran guru. Komponen yang terdapat dalam latar belakang guru dan faktor luaran guru yang mempengaruhi domain pemikiran guru perlu dikenalpasti.

Persekitaran pelajar tingkatan enam berbeza dengan persekitaran pelajar prauniversiti yang lain. Persekitaran pelajar tingkatan enam dilingkungi oleh persekitaran sekolah yang juga menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar arus perdana. Peranan guru dalam proses pengajaran tingkatan enam tidak sama dengan pengajaran pelajar prauniversiti yang lain. Konteks ini menyebabkan guru yang mengajar tingkatan enam boleh menjanakan satu pemikiran yang bersesuaian yang dihadapi oleh guru dan pelajar tingkatan enam. Faktor persekitaran merupakan faktor penting yang mempengaruhi guru ke arah kecemerlangan termasuklah persekitaran mikro dan makro (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003). Dengan itu Guru Tingkatan Enam berdepan dengan konteks faktor persekitaran boleh memberi pengaruh ke atas domain pemikiran Guru Tingkatan Enam.

Pengajaran yang berkesan bermula dengan perancangan, dengan itu, pengajaran Guru Tingkatan Enam di dalam bilik darjah berdasarkan kepada perancangan yang telah ditetapkan. Perancangan Guru Tingkatan Enam dipengaruhi oleh faktor luaran guru dan latar belakang guru serta boleh mempengaruhi domain pemikiran guru. Menurut Clark dan Peterson (1986), pemikiran guru berlaku dalam pemikiran minda seseorang guru, dan pemikiran guru tersebut, boleh diperhatikan

berdasarkan tindakan guru, tingkah laku pelajar dan skor pencapaian pelajar. Guru Tingkatan Enam merupakan guru yang memiliki pengalaman pengajaran berdepan dengan persekitaran luaran. Guru Tingkatan Enam memiliki latar belakang tersendiri sebagai guru yang boleh mempengaruhi domain pemikiran dalam membuat keputusan perancangan dan tindakan pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh diperhatikan melalui perancangan dan tindakan sebelum, semasa dan selepas pengajaran.

Pengajaran Guru Tingkatan Enam perlu bersesuaian dengan sistem pentaksiran baharu yang diperkenalkan oleh MPM iaitu peperiksaan akhir berpenggal dan penilaian kerja kursus bertujuan untuk mewujudkan satu pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia bersesuaian dengan penilaian pelajar secara holistik. Sistem pentaksiran ini bermula pada tahun 2012 dan berbeza dengan sistem pentaksiran sebelum tahun 2012. Dengan itu, guru yang mengajar tingkatan enam perlu berfikir dan bertindak dalam membuat keputusan pengajaran bersesuaian dengan sistem pentaksiran yang baharu. Schon (1987) menyokong kenyataan guru merupakan pengamal reflektif iaitu guru boleh berfikir semasa dalam tindakan pengajaran dan boleh bertindak balas setiap situasi yang wujud. Keseluruhan proses ini adalah dinamik dan mengikut konteks. Pengamalan refleksi oleh Guru Tingkatan Enam boleh mewujudkan corak pemikiran yang selaras dengan konteks pelajar tingkatan enam.

Persekitaran fizikal tingkatan enam berbeza dengan program prauniversiti yang lain iaitu tingkatan enam berdepan dengan perkongsian persekitaran fizikal sekolah dengan pelajar daripada arus perdana. Pihak pengurusan atasan sekolah tidak mampu memberi tumpuan sepenuhnya ke atas pelajar tingkatan enam, oleh itu guru yang mengajar tingkatan enam perlu mempunyai domain pemikiran yang sesuai dengan persekitaran fizikal supaya proses pengajaran yang berkesan dapat dilaksanakan.

Permasalahan dan isu utama yang dihadapi pendidikan tingkatan enam perlu diambil tindakan segera supaya proses pengajaran yang disampaikan oleh Guru Tingkatan Enam dapat menarik minat pelajar untuk memilih dan mengekalkan dalam

tingkatan enam sebagai program prauniversiti di sekolah. Ekoran daripada permasalahan ini kajian ke atas domain domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran perlu dilakukan. Dapatan kajian ini, dapat menyumbang kepada penyelesaian isu berkaitan pengajaran oleh Guru Tingkatan Enam. Kajian ini memberi fokus terhadap faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam yang boleh memberi pengaruh dan hubungan setiap domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran iaitu domain falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, penyelidikan dan keinovatifan individu.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini ialah untuk membentuk kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Kajian ini dijalankan ke atas faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Dapatan kajian ini boleh menguji teori yang digunakan dalam mendasari kajian ini iaitu Teori Interaksi Simbolik yang dikemukakan oleh Hargreaves (1972) sebagaimana dengan objektif kajian seperti di bawah:

1. Menentukan tahap pemikiran Guru Tingkatan Enam terhadap keperluan faktor luaran Guru Tingkatan Enam.
2. Menentukan tahap kepentingan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.
3. Menentukan sama ada terdapat perbezaan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan latar belakang Guru Tingkatan Enam.
4. Menentukan hubungan antara faktor luaran Guru Tingkatan Enam dengan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.
5. Membina kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.
6. Mengenalpasti pemikiran Guru Tingkatan Enam terhadap keperluan faktor luaran Guru Tingkatan Enam.

7. Mengenalpasti domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.

### **1.5 Soalan Kajian**

Dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data, di bawah ini disenaraikan soalan-soalan kajian untuk menjawab objektif kajian.

1. Apakah tahap pemikiran Guru Tingkatan Enam terhadap keperluan faktor luaran Guru Tingkatan Enam?
2. Apakah tahap kepentingan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran?
3. Adakah terdapat perbezaan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan latar belakang Guru Tingkatan Enam?
4. Adakah terdapat hubungan antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor luaran Guru Tingkatan Enam?
5. Apakah kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran?
6. Bagaimanakah pemikiran Guru Tingkatan Enam terhadap keperluan faktor luaran Guru Tingkatan Enam?
7. Bagaimanakah domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran?

### **1.6 Hipotesis Kajian**

Bagi menjawab soalan kajian 3 dan 4, di bentuk 2 hipotesis null umum seperti di bawah ini:

- H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam berdasarkan faktor latar belakang Guru Tingkatan Enam iaitu gred jawatan, pengalaman mengajar sebagai guru, pengalaman sebagai Guru Tingkatan Enam, pengalaman sebelum Guru Tingkatan Enam, mata

pelajaran tingkatan enam, mata pelajaran pengkhususan, waktu mengajar seminggu, dan kehadiran dalam kursus penyelidikan.

H<sub>02</sub>: Tidak ada hubungan yang signifikan diantara komponen faktor luaran Guru Tingkatan Enam dengan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.

Hispotesis kajian untuk menjawab soalan 3 dan 4 diperincikan seperti di bawah:

H<sub>011</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan gred jawatan DG41, DG44, DG48, DG52 dan DG54.

H<sub>012</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor pengalaman mengajar sebagai guru iaitu 1 hingga 8 tahun, 9 hingga 16 tahun, 17 hingga 22 tahun, 23 hingga 25 tahun dan 26 tahun ke atas.

H<sub>013</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor pengalaman Guru Tingkatan Enam mengajar iaitu 1 hingga 4 tahun, 5 hingga 8 tahun, 9 hingga 11 tahun, 12 tahun ke atas.

H<sub>014</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor pengalaman sebelum mengajar tingkatan enam iaitu 4 tahun ke bawah dan 5 tahun ke atas.

H<sub>015</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor mata pelajaran Guru Tingkatan Enam dalam bidang kemanusiaan dan sains.

H<sub>016</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor waktu mengajar seminggu iaitu 8 waktu ke bawah, 9 hingga 16 waktu, 17 hingga 24 waktu dan 25 waktu ke atas.

H<sub>017</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor



kelulusan akademik Guru Tingkatan Enam iaitu berkelulusan ijazah sarjana muda dan ijazah lanjutan.

- H<sub>018</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran berdasarkan faktor pernah mengikuti kursus penyelidikan atau tidak pernah mengikuti kursus penyelidikan.
- H<sub>021</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor latar belakang pelajar.
- H<sub>022</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor keperluan pelajar.
- H<sub>023</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor saiz kelas.
- H<sub>024</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor iklim bilik darjah.
- H<sub>025</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dengan faktor matlamat sekolah.
- H<sub>031</sub>: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan bagi kesemua dalam faktor latar belakang Guru Tingkatan Enam dan faktor luaran Guru Tingkatan Enam terhadap varians komponen domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.

## **1.7 Rasional Kajian**

Kajian tentang domain pemikiran guru banyak dijalankan dalam penglibatan pelajar di tahap pendidikan rendah dan menengah. Kajian domain Guru Tingkatan Enam dalam penglibatan pelajar tingkatan enam dibuat kerana pihak KPM mengiktiraf peranan Guru Tingkatan Enam sebagai pendidik yang mendidik pelajar tingkatan enam sama dengan peranan guru lain yang mengajar pelajar peringkat pendidikan rendah dan pendidikan menengah. Guru Tingkatan Enam perlu menyesuaikan pemikiran dalam perancangan dan tindakan menyampaikan

pengajaran ke atas pelajar tingkatan enam sejajar dengan pandangan Philip (1997) yang menyatakan pemikiran akan menghasilkan tingkah laku dan sikap seseorang.

Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam menjadikan faktor utama perancangan dan tindakan guru dalam pengajaran. Selaras dengan itu, Behets (1997) menekankan pengamalan guru dan aspek persenoliti dapat dikenal pasti daripada pemerhatian dan maklum balas ada hubung kait dengan kecemerlangan pengajaran. Kajian ini dapat menjawab kepentingan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam aktiviti pengajaran. Kajian ini dapat membantu usaha KPM dalam mentransformasikan pendidikan tingkatan enam.

Pengalaman Guru Tingkatan Enam dalam bidang pengajaran tingkatan enam menyimpan banyak bahan dan aktiviti perlu diolah secara ilmiah berkaitan dengan aktiviti pengajaran. Guru Tingkatan Enam merupakan guru yang berpengalaman dalam praktiknya, kerana proses masa yang dilalui oleh Guru Tingkatan Enam telah berlaku banyak aktiviti refleksi yang boleh meningkatkan prestasi pengajaran tingkatan enam pada masa depan.

Pemikiran merupakan satu tajuk perbincangan yang penting dalam kajian tingkah laku seseorang kerana manusia dianggap sebagai cecap dan mempunyai daya fikir akan mampu merancang pada masa depan (Lefton 1997; Langer 1997). Kewujudan kumpulan Guru Tingkatan Enam seperti Majlis Guru Cemerlang dan GAT6 di peringkat negeri dan kebangsaan merupakan satu wadah perbincangan Guru Tingkatan Enam dalam menyusun strategi pengajaran berkesan bersandarkan kepada pengalaman merupakan satu himpunan pengetahuan dalam praktis pengajaran yang berkualiti ekoran dapatan kajian domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.

Kecemerlangan seseorang guru itu berasaskan kepada kecekapan dan kebolehan guru itu mengajar berasaskan kepada kepakaran mata pelajaran masing-masing. Terdapat 23 mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan enam, oleh itu Guru Tingkatan Enam dilantik berdasarkan kepada mata pelajaran yang dipilih. Kepakaran Guru Tingkatan Enam merangkumi dalam aspek PPIK dan kepakaran isi kandungan mata pelajaran. Dua bidang ini diperlukan sebagai

sebahagian syarat dalam pencapaian kecemerlangan pengajaran seseorang guru itu. Tahap kepakaran Guru Tingkatan Enam ini berbeza antara seseorang Guru Tingkatan Enam dengan Guru Tingkatan Enam yang lain, dengan itu perbezaan ini perlu dimanfaatkan dengan mengumpulkan setiap kelebihan yang ada pada Guru Tingkatan Enam supaya dapat mewujudkan satu domain pemikiran Guru Tingkatan Enam. Perbezaan kepakaran Guru Tingkatan Enam ini boleh mencetus satu sumber idea dalam mewujudkan maklumat tentang pengajaran dalam budaya berfikir Guru Tingkatan Enam.

Dalam kajian ini, satu kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran akan dibentuk berdasarkan faktor-faktor peramal yang menyumbang kepada domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Rasional kajian domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dijalankan kerana maklumat pengajaran tingkatan enam yang ada dalam pemikiran Guru Tingkatan Enam akan disusuli dengan proses tindakan, penilaian dan refleksi. Refleksi itu sendiri merupakan satu proses pemikiran yang dijalankan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran yang telah dilalui. Schon (1987) memberi pendapat tentang guru merupakan pengamal reflektif iaitu guru boleh berfikir semasa pengajaran dan bertindak balas terhadap situasi yang unik yang berlaku dan refleksi berlaku mengikut konteks. Terdapat dua faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran iaitu faktor luaran guru dan latar belakang guru, dengan itu domain pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh dijadikan panduan kepada guru tingkatan enam dalam pengajaran.

Guru Tingkatan Enam merupakan satu kumpulan guru yang memiliki ciri-ciri tersendiri dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar tingkatan enam. Golongan guru ini telah terbukti berjaya mengajar secara berkesan. Idea dan pengalaman Guru Tingkatan Enam merupakan satu sumber maklumat pengajaran yang boleh dikongsi bersama dikalangan Guru Tingkatan Enam. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Turner dan Bash (1999) iaitu mendokumentasi pengalaman yang ada pada guru boleh digunakan sebagai satu kes perbincangan dalam pendidikan guru dan dijadikan model guru dalam latihan guru. Begitu juga perkongsian kecemerlangan pengajaran boleh di contohi oleh guru tingkatan enam yang lain apabila contoh pengajaran Guru Tingkatan Enam boleh disimpan dalam

perpustakaan video pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Guru Tingkatan Enam perlu selalu berfikir dalam mencari idea-idea baru untuk digunakan dalam proses pengajaran. Kajian yang dijalankan dapat mengumpul maklumat pendidikan yang baharu dapat digunakan Guru Tingkatan Enam dalam proses pengajaran.

Pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh dipengaruhi oleh faktor luaran guru dan latar belakang guru. Berdasarkan faktor ini, satu kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dapat dibina. Melalui kajian tentang faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam boleh digunakan oleh pihak yang berkepentingan berkaitan tingkatan enam seperti sekolah, PPD, JPN dan KPM dalam merangka sesuatu program bagi meningkat pembangunan diri Guru Tingkatan Enam dalam aspek pengajaran. Kajian ini juga, dapat memberi garis panduan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak berkepentingan apa jua keputusan yang diambil berkaitan dengan mentransformasikan tingkatan enam.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan tingkatan enam menyebabkan tenaga pengajar tingkatan enam perlu berubah dalam aspek penyampaian pengajaran di dalam kelas. Sistem pendidikan tingkatan enam tidak sama dengan sistem pendidikan peringkat pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian prauniversiti yang lain. Kecemerlangan pendidikan tingkatan enam perlu dipertahankan dan ditingkatkan supaya pendidikan prauniversiti di sekolah berjaya mencapai matlamatnya. Kajian ini memberi maklumat penting kepada pihak berkepentingan terhadap pendidikan tingkatan enam seperti Guru Tingkatan Enam, KPM, sekolah tingkatan enam, ibu bapa, masyarakat penggubal kurikulum dan institut pengajian tinggi.

Kajian yang dijalankan berfokus terhadap Guru Tingkatan Enam. Pemikiran Guru Tingkatan Enam boleh diterjemahkan melalui perancangan dan tindakan dalam pengajaran merupakan faktor penting dalam kecemerlangan pengajaran. Dalam

kajian ini secara empirikalnya cuba melihat faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Dapatan yang diperoleh boleh dijadikan satu maklumat penting dalam bidang pengajaran yang signifikan kepada pihak KPM dan sekolah tingkatan enam dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan pendidikan tingkatan enam. Kajian ke atas guru terhadap peranan guru yang mengajar diperingkat rendah dan menengah mungkin memberi hasil dapatan berbeza guru yang mengajar tingkatan enam kerana konteks tingkatan enam berlainan dengan pendidikan lain.

Melalui kajian ini, penyelidik boleh mengetahui faktor-faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran iaitu terdiri daripada komponen falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, gaya pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu. Kajian ini dapat mengenalpasti pemboleh ubah peramal dijadikan yang dijadikan kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Dapatan kajian dapat digunakan oleh KPM, JPN dan pengurusan sekolah yang mengendalikan kursus untuk meningkatkan profesionalisme keguruan bagi Guru Tingkatan Enam. Sejalan dengan pandangan Roberts dan Dyers (2004), keberkesanan guru di dalam bilik darjah terbentuk daripada program latihan yang dilaksanakan bertujuan membentuk kualiti peribadi seperti memberi perhatian kepada orang lain, memberi motivasi dan memerliara etika.

Kecemerlangan pengajaran guru tingkatan enam dapat dibuktikan dengan jelas melalui pencapaian objektif pengajaran, peperiksaan dan kerja kursus. Guru Tingkatan Enam berupaya menyampaikan pengajaran dengan berkesan berasaskan pemikiran dalam perancangan pengajaran, tindakan dan penilaian pengajaran. Kajian yang dilakukan berupaya mengesan kekuatan pemikiran Guru Tingkatan Enam yang menjadi asas permulaan tindakan guru dalam merancang dan mengajar pelajar tingkatan enam. Kajian faktor yang mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran menjadi satu dapatan kajian yang boleh menyumbang kepada keberkesanan Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran.

## **1.9 Kerangka Kajian**

Kerangka kajian domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran terdiri daripada dua iaitu kerangka teori kajian dan kerangka konsep kajian. Kerangka teori kajian ialah penggunaan teori dan model dalam kajian ini sementara kerangka konsep kajian yang melibatkan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas yang merupakan operasi kajian yang dijalankan.

### **1.9.1 Kerangka Teori Kajian**

Kerangka teori kajian dibina khusus oleh penyelidik untuk mengetahui beberapa faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran yang berdasarkan tindakan Guru Tingkatan Enam dalam proses pengajaran. Berdasarkan rajah 1.1, kerangka teori kajian yang digunakan berdasarkan Teori Interaksi Simbolik (Hargreaves D.H, 1972), Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark dan Peterson (1986), Model Keputusan Perancangan Guru Myers (1995), Model Idea Champions (1996) dan Model Teaching Kauchak dan Eggen (2011).

Kerangka teori kajian penyelidik didasari oleh Teori Interaksi Simbolik yang telah diubahsuai dalam bidang pendidikan (Hargreaves, 1972). Teori Interaksi Simbolik telah diperkenalkan oleh Mead (1934) yang menjelaskan tentang pemikiran dan tindakan seseorang itu dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Hargreavas (1972) menerapkan Teori Interaksi Simbolik untuk tujuan pendidikan dengan menekankan bahawa pemikiran Guru Tingkatan Enam serta tindakan dalam pengajaran ke atas pelajar dipengaruhi oleh faktor sekolah dan masyarakat. Clark dan Peterson (1986), mendapati proses pemikiran guru dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan faktor guru sendiri. Tindakan guru berdasarkan kepada proses pemikiran guru. Sebarang tindakan guru di dalam bilik darjah boleh diperhatikan melalui tingkah laku guru, pencapaian pelajar dan tingkah laku pelajar. Myers dan Myers (1995) menghuraikan secara mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi guru dalam membuat perancangan pengajaran iaitu faktor latar belakang dan kepercayaan guru, latar

belakang pelajar dan keperluan, tuntutan organisasi, sifat-sifat mata pelajaran dan ekspektasi luaran.

Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam ialah bidang yang dijadikan asas pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam membuat perancangan pengajaran di dalam bilik darjah apabila menyampaikan pengajaran kepada pelajar tingkatan enam supaya dapat mewujudkan pengajaran yang berkesan. Model Pemikiran dan Tindakan Guru (Clark & Peterson) dan Model Keputusan Perancangan Guru (Myers & Myers, 1995) dijadikan asas model domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Model Perancangan Guru (Myers & Myers, 1995) menekankan domain falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, ekspektasi guru, PPIK dan pengurusan bilik darjah. Kauchak dan Eggen (2011) pula, menekankan guru perlu menguasai teknologi terutama dalam ICT untuk digunakan dalam kerjaya sebagai guru. Sebagai seorang guru, teknologi digunakan dalam pengajaran dalam bilik darjah, membuat penilaian dan penyelenggaraan rekod pelajar. Guru juga perlu menjalankan pentaksiran dan penyelidikan untuk menghasilkan inovasi pengajaran supaya dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran serta membantu melakukan pengurusan bilik darjah yang berkesan. Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran bagi aspek PPIK penting memastikan guru menggunakan pedagogi yang sesuai berdasarkan topik yang diajar. Guru perlu melakukan inovasi dan pelbagai pendekatan pengajaran berdasarkan kesesuaian topik dalam sesuatu mata pelajaran.


Berdepan dengan kepelbagaian pelajar ekoran faktor globalisasi menyebabkan inovasi pengajaran sangat penting dalam pengajaran. Oleh kerana itu, keinovatifan individu yang dianjurkan oleh Idea Champions (1996) dimasukkan dalam kajian bidang pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Keinovatifan individu yang dikemukakan oleh Idea Champions (1996) menyatakan terdapat 20 ciri seseorang individu yang inovatif iaitu cabaran kedudukan semasa, ingin tahu, motivasi sendiri, berwawasan, meraikkan sesuatu yang hebat, mengambil risiko, berkeliling, suka kelucuan, penerimaan diri sendiri, membuat hubungan baru, refleksi, mengiktiraf semula pola, menerima kekaburan, setuju untuk pembelajaran, mengimbangi intuisi dan analisis, suasana kerjasama, mengucapkan secara jelas dengan rasmi, berdaya tahan, tabah, dan adaptif. Ciri-

ciri pemikiran inovatif diperlukan dalam proses perancangan pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran.

Teori Interaksi Simbolik (Hargreaves, 1972) disokong bersama dengan Model Keputusan Perancangan Guru (Myers & Myers, 1995), Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark dan Peterson (1986) menjadi faktor penting yang boleh mempengaruhi domain pemikiran guru dalam pengajaran. Penggunaan teknologi yang ditekankan oleh Kauchak dan Eggen (2011) juga merupakan aspek ini penting dalam membentuk domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam membuat perancangan dan menjalankan pengajaran di dalam kelas.

Model Keputusan Perancangan Guru (Myers & Myers, 1995) menekankan faktor luaran guru yang boleh mempengaruhi domain pemikiran guru ialah saiz kelas, iklim bilik darjah, matlamat sekolah, latar belakang pelajar dan keperluan pelajar. Model ini juga menghuraikan faktor latar belakang guru boleh mempengaruhi domain pemikiran guru dalam pengajaran. Faktor latar belakang guru ialah pengalaman, gaya pengurusan, falsafah pengajaran, pengetahuan isi kandungan, jangkaan, tahap penyelesaian dan matlamat pengajaran.





**Rajah 1.1** : Kerangka Teori Kajian.

## 1.9.2 Kerangka Konsep Kajian


Faktor-faktor yang dikaji merupakan faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran iaitu faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam. Faktor luaran Guru Tingkatan Enam meliputi komponen saiz kelas, iklim bilik darjah, matlamat

sekolah, latar belakang pelajar dan keperluan pelajar berdasarkan Model Keputusan Perancangan Myers dan Myers (1995). Latar belakang Guru Tingkatan Enam berdasarkan faktor pengalaman mengajar, subjek mengajar tingkatan enam, subjek pengkhususan, waktu mengajar seminggu, kelulusan akademik dan kehadiran kursus penyelidikan. Kedua-dua faktor ini dikaji untuk melihat pengaruh dan hubungan faktor ini ke atas domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran supaya dapat membentuk kerangka Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran.

Berdasarkan kerangka konsep kajian pada rajah 1.2, terdapat tiga pemboleh ubah yang dijadikan sebagai konsep kajian iaitu faktor luaran Guru Tingkatan Enam, latar belakang Guru Tingkatan Enam dan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Melalui kajian ini, diuraikan komponen-komponen yang terdapat setiap pemboleh ubah bersandarkan kepada kerangka konseptual. Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark dan Peterson (1986) merujuk kepada kajian tentang pemikiran guru dan tindakan yang dilakukan dan model Myers (1995) memberi kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran dan membuat perancangan pengajaran. Keinovatifan individu merujuk kepada Idea Champions (1996), yang menyenaraikan ciri-ciri individu yang inovatif. Penggunaan teknologi dalam pengajaran yang dikemukakan oleh Kauchak dan Eggen (2011) sebagai satu domain pemikiran Guru Tingkatan Enam.

Melalui kerangka konsep kajian dapat diperhatikan pemboleh ubah domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran akan dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam. Faktor luaran Guru Tingkatan Enam yang dikaji ialah faktor latar belakang pelajar, keperluan pelajar, saiz kelas, iklim bilik darjah dan matlamat sekolah sementara latar belakang Guru Tingkatan Enam yang dikaji ialah gred jawatan guru, pengalaman mengajar, mata pelajaran tingkatan enam, mata pelajaran pengkhususan, waktu mengajar seminggu, kelulusan akademik dan bilangan kehadiran kursus penyelidikan. Kajian ini menetapkan pemboleh ubah domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran menjadi pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam

menjadi pemboleh ubah bebas. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran yang dikaji ialah falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, gaya pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu.



**Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian**

Komponen-komponen yang terdapat dalam kerangka kajian boleh dijadikan sebagai satu garis panduan dalam menyusun perancangan, proses kajian dan pelaksanaan kajian. Dalam membina kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran, setiap pemboleh ubah dan komponennya akan diproses dan dianalisis dalam melihat sumbangan dan kepentingannya terhadap domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran terbentuk daripada beberapa pemboleh ubah kriteria dan pemboleh ubah peramal berdasarkan daripada kerangka teori kajian dan

kerangka konsep kajian. Kerangka konsep kajian yang dibentuk memudahkan untuk menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

### **1.10 Batasan Kajian**

Tajuk kajian ialah domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menentukan faktor yang boleh mempengaruhi ke atas domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran. Faktor-faktor yang dikaji ialah faktor luaran Guru Tingkatan Enam dan latar belakang Guru Tingkatan Enam yang boleh memberi pengaruh ke atas lapan domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran iaitu falsafah pengajaran, matlamat pengajaran, PPIK, gaya pengurusan bilik darjah, ekspektasi guru, penilaian, teknologi, dan penyelidikan dan keinovatifan individu.

Kajian ini untuk membina kerangka domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran, dengan itu responden kajian yang dijalankan terdiri daripada Guru Tingkatan Enam yang mengajar mata pelajaran yang ditawarkan tingkatan enam di sekolah negeri Johor. Kajian ini berfokus semua mata pelajaran dalam jurusan kemanusiaan dan sains. Jurusan kemanusiaan terdiri daripada mata pelajaran Pengajian Am, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab, *Literature in English*, Kesusasteraan Melayu Komunikatif, Syariah, Usuluddin, Sejarah, Geografi, Ekonomi, Pengajian Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Sains Sukan, Perakaunan, Matematik (T), Matematik (M) dan Seni Visual. Jurusan sains terdiri daripada mata pelajaran Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik lanjutan.

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan disokong dengan pendekatan kualitatif melalui temu bual yang hanya mengambil data daripada Guru Tingkatan Enam di negeri Johor dalam satu tempoh masa. Domain pemikiran Guru Tingkatan Enam dalam pengajaran bukan sahaja boleh diperolehi daripada Guru Tingkatan Enam tetapi boleh diperolehi data daripada pihak berkepentingan yang lain iaitu pelajar, guru lain, pihak pentadbir dan pihak pakar. Untuk tujuan kajian ini

penyelidik hanya meninjau pandangan yang diberikan oleh Guru Tingkatan Enam berkaitan faktor luaran guru dan latar belakang guru yang mengajar tingkatan enam di negeri Johor sahaja.

Guru Tingkatan Enam yang dikaji tidak hanya mengajar mata pelajaran tingkatan enam sahaja tetapi mungkin mengajar mata pelajaran di peringkat sekolah menengah kerana kekangan yang berlaku dalam pentadbiran sekolah. Kekangan ini berlaku kerana bilangan kelas tingkatan enam tidak banyak ditawarkan di sesebuah sekolah, dengan itu jumlah waktu mengajar tingkatan enam adalah tidak mencukupi. Sementara sekolah yang banyak menawarkan kelas tingkatan enam, Guru Tingkatan Enam akan mengajar mata pelajaran tingkatan enam sepenuhnya. Ini menyebabkan Guru Tingkatan Enam terdedah dengan pengalaman pengajaran peringkat pendidikan sekolah menengah.

Guru Tingkatan Enam daripada katogeri GC dan GAT6 melibatkan laluan kenaikan pangkat bermula gred DG 44 hingga Gred Khas C. Laluan kenaikan pangkat guru akademik berdasarkan kenaikan pangkat tempoh masa (*time based*). Responden kajian terdiri daripada Guru Tingkatan Enam yang meliputi semua gred tersebut. Oleh kerana kenaikan pangkat Guru Tingkatan Enam perlu mematuhi syarat iaitu bergantung pada tempoh masa perkhidmatan, pengalaman pengajaran mata pelajaran pengkhususan dan tempoh masa perkhidmatan keseluruhan, dengan itu data yang diperoleh daripada responden terpengaruh dengan syarat-syarat kenaikan pangkat Guru Tingkatan Enam. Masa terawal kenaikan pangkat pada DG 44 ialah tujuh tahun mengajar bagi guru akademik dan GC sementara GAT6 seawalnya naik pangkat ialah lima tahun perkhidmatan daripada gred DG41 ke gred DG44. Tempoh lama Guru Tingkatan Enam mengajar ialah bergantung kepada umur persaraan wajib sama ada 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun.

## **1.11 Definisi Operasional**

Di bawah ini diuraikan istilah dan definisi yang digunakan dalam kajian ini untuk memenuhi objektif kajian. Tajuk kajian ialah Domain Pemikiran Guru Tingkatan Enam Dalam Pengajaran.

### **1.11.1 Domain Pemikiran Guru**

